

KUIZ ISTILAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM MPAK TINGKATAN 5

Pilih istilah yang tepat bagi pernyataan di bawah ini.

1	Kepercayaan yang kukuh, simpulan yang kukuh.	
2	Rendah diri, tidak angkuh serta patuh kepada perintah Allah SWT.	
3	Orang yang hidup bersemuka secara langsung dan beriman kepada Rasulullah SAW semasa hayat baginda.	
4	Jemaah Islam yang beriltizam kepada al-Quran dan sunah mengikut pemahaman yang diajar oleh Rasulullah SAW.	
5	Suami mengambil kembali isteri yang telah diceraikan ke pangkuannya.	
6	Akad yang menggunakan lafaz nikah atau lafaz-lafaz lain yang memberikan makna nikah, yang menghalalkan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan.	
7	Orang yang telah akil baligh dan diwajibkan mematuhi hukum-hukum Islam.	
8	Barang atau wang yang diberikan kepada seseorang untuk sementara waktu dan perlu dikembalikan.	
9	Tempoh larangan berkahwin yang patut dipatuhi oleh isteri selepas bercerai atau kematian suami.	
10	Merungkaikan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak, cerai atau yang mengandungi makna kedua-duanya.	
11	Faedah atau pertambahan bayaran dalam urusan jual beli bertanggung, hutang piutang, pinjaman, pertukaran bahan makanan tertentu yang sama jenis dan juga mata wang.	
12	Pembersihan dan penyucian hati daripada dosa atau kembali mentaati Allah SWT setelah menyesal kerana mengingkari perintah atau larangan-Nya.	
13	Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab yang pedih di akhirat.	
14	Golongan yang mendukung cita-cita Sayidina Ali r.a. sebagai khalifah Rasulullah SAW. Mereka berpendapat hanya Sayidina Ali r.a. yang layak dilantik menjadi khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW.	
15	Pemberian sama ada dalam bentuk harta atau manfaat tertentu yang bertujuan untuk memperoleh sesuatu yang bukan haknya, atau menzalimi hak pihak lain.	

